

Pemuda UMNO perbanyak program kebudayaan

Um - 26/11/2006

BACHOK 25 Nov. - Pergerakan Pemuda UMNO akan memperbanyakkan program kebudayaan bagi memastikan generasi muda tidak melupakan warisan bangsa tersebut yang sememangnya perlu dipelihara.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, persembahan berkenaan akan turut diselitkan dengan mesej berguna bagi menyeron penonton khususnya golongan muda supaya tidak terlibat gejala sosial.

"Ia memang mencuit dan menyentuh setiap hati kita. Ini mengambarkan perjuangan Pemuda UMNO untuk mempertahankan identiti kita dalam arus globalisasi sekarang," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan persembahan kumpulan dikir barat pada Festival Dikir Barat Pemuda UMNO 2006 di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) Bachok di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussin dan Naib Ketua Pemuda, Khairy Jamaluddin.

Beliau berkata, kesan positif aktiviti itu yang bermula awal tahun ini dengan Festival Zapin di Johor diikuti Festival Dikir Barat di Kelantan ialah mewujudkan perpaduan khususnya di kalangan Pemuda UMNO di negeri-negeri.

"Sebelum ini, perpaduan di kalangan ahli memang rapat dengan Program Pemuda Masuk Kampung dan kini diperkuh melalui festival kebudayaan," ujar-

nya.
Festival anjuran Biro Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Pemuda UMNO dan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan (K&K&Wa) disertai 12 pasukan terdiri 400 orang ahli pergerakan itu kecuali Kelantan dan Sarawak.

Pertandingan diadili oleh lima hakim profesional diketuai oleh Timbalan Presiden Persatuan Dikir Barat Kelantan, Mohd. Roby Jaafar.

Juara menerima hadiah wang RM5,000 manakala naib juara RM3,500 dan tempat

ketiga RM2,000.

Majlis turut dimeriahan dengan kenduri rakyat pada tengah hari.

Kira-kira 10,000 penonton yang menyaksikan pertandingan itu dihiburkan dengan lawak jenaka dua ahli Kumpulan Salam Pantai Timur yang menjadi juru acara majlis iaitu Abe Jali dan Che Awee.

Mereka juga dihibur oleh artis dikir barat jemputan iaitu pendikir kanak-kanak, Nik Khairulzri Aliff Shah dan pendikir veteran iaitu Megat Nordin, Cikgu Sulizi, Osman Kering dan Orkestra Simfoni Pak Simpul.

Penonton juga tertarik dengan kehebatan peserta membuat persembahan menggunakan dialek Kelantan.

Semalam, di KB Mall, Kota Bharu diadakan pertandingan mewarna Kawan anjuran Kumpulan Utusan dan perasmian festival berkenaan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Seri Annuar Musa.